Untuk jawapan soalan nombor dua daripada Ahli Yang Berhormat bagi Serembu, orang awam boleh membuat aduan secara terus kepada Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu JPJ melalui emel, aduantrafik@sarawakjpj.gov.my dan melalui *Whatsapp* juga kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak melalui 011-24252754. I repeat, maybe a lot of the people wants to know, 011-24252754 *atau berhubung dengan PDRM melalui aplikasi* Volunteer Smartphone Petrol (VSP) dan selain itu, orang awam juga boleh membuat aduan kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak. They have a platform for road care melalui *Whatsapp* 011-7017177 dan 011-7017277.

Ahli Yang Berhormat bagi Serembu sudah ada nombor, catat nombor ya, jangan lupa nombor. Setiap aduan boleh diserahkan besertakan dengan gambar. Jangan lupa gambar, Ahli Yang Berhormat bagi Serembu. Gambar, tarikh dan masa kejadian yang berlaku. Sekian, Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek, Bukit Assek.

YB Encik Chieng Jin Ek: Thank you, Tuan Speaker. My question is no. 64.

Fatal Rabies Cases

(**64) YB Encik Chieng Jin Ek** to ask the Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak: How many fatal rabies cases happened in Sibu Division in the past 3 years and what are the effective preventive measures to overcome this fatal disease?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat pagi dan Salam Sarawak Maju Makmur. Tuan Speaker, sebelum saya menjawab soalan, saya juga dengan rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini ingin menggunakan peluang ini untuk

mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Datuk Amar Speaker di atas pelantikan semula sebagai Speaker Dewan yang mulia ini, baru-baru ini.

For the information of the Honourable Member for Bukit Assek, rabies is a fatal disease that affects both humans and animals. Since 2021, the number of human fatalities stood at 20 out of 22 cases in Sibu Division as of October 31st, 2023.

Meanwhile, the number of positive animals' rabies cases in Sibu Division stood at 27 out of 83 cases of samples collected in the last three years. The Sarawak Government has implemented several preventive measures to overcome the spread of this fatal disease as well as to prevent human fatalities. The measures taken are as follows:

(a) Control of rabies in dogs by Anti-Rabies Vaccination;
(b) Increase Rabies Awareness Programmes;
(c) Control of stray dog populations through dogs' removal from the streets as well as neutering campaign;
(d) Enforcement of Veterinary Public Health Ordinance, 1999 and Dog licensing By-law by the Local Councils and effective control of free roaming dogs under Section 37;
(e) Conducting Licensing and Microchipping Programme between the Local Councils and Department of Veterinary Services Sarawak;
(f) Integrated Bite Case Management including Post-Exposure Prophylaxis (PEP) treatment;
(g) Immune Belt Enforcement Team (IBET);
(h) Increase the number of Post-Bite Clinics in Sibu Division from the existing three to six public health facilities since July 2023; and
(i) Sarawak Forestry Corporation (SFC) alert system of any reported wild/ bearded pig deaths and on any possible spillover of rabies to wildlife.

Sekian, terima kasih.

YB Encik Chieng Jin Ek: (*Supplementary Question)* Okay. Thank you, Yang Berhormat Deputy Minister. Tuan Speaker, I have two supplementary questions.

(a) Despite carrying out various preventative measures, why does rabies cases continue to occur?
(b) What are the challenges faced by the Department in carrying out rabies eradication?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Thank you for the two supplementary questions from the Honourable Member for Bukit Assek. For question no. 1, rabies cases continue to occur due to the following reasons:

(a) High Number of Stray Animal Population especially the unvaccinated and unneutered dogs, contributed significantly to the spread of rabies;

(b) Low Awareness and Education;

(c) Human Behaviour: People may not always follow guidelines regarding pet vaccinations or may not seek medical attention promptly if bitten by rabid animal;

(d) Lack of responsibility pet ownership leads to low awareness on the importance of vaccinating their pets against rabies;

(e) Delay in seeking medical attention or did not go to hospital after a potential exposure;

(f) Unsafe interactions with animals and lack of knowledge about the risks associated with handling or approaching animals, especially stray or wild animals can lead to unsafe interactions;

(g) Ineffective Bite Wound Management;

(h) Resistance to Control Measures: Low awareness led to resistance or opposition to vaccination campaigns or other control measures due to fear, mistrust, or misconceptions about the safety and the efficacy of vaccines.

For your question no. 2, rabies eradication is a complicated and challenging task for Health and Veterinary Department. Our challenges faced in carrying out rabies eradication efforts include:

(a) High Stray and Free Roaming Animal Population:

Stray dogs and cats serve as reservoirs for the rabies virus;

(b) Low compliance Among Pet Owners:

Resulting in incomplete coverage despite all the programs organized by the department;

(c) Public Apathy and Awareness:

Lack of apathy and awareness about the importance of vaccinating pets, recognizing rabies symptoms, and seeking prompt medical attention after a potential exposure can contribute to the persistence of the virus;

(d) Resistance by the NGOs and Some Communities:

In some cases, communities resist or oppose vaccination campaigns due to cultural beliefs, misinformation, or concerns about the safety of the vaccines. Resistance from the NGOs for targeted removal of strays hampered the efforts to control the unvaccinated strays in the city;

(e) Transboundary Movement of Animals:

The movement of animals across borders contributed to the spread of rabies;

(f) Lack of Manpower:

All out mass vaccination is proven to be effective. However, DVS is lack of manpower to carry out the task and most of them do multitasking as an enforcement, port-health, quarantine, livestock development and extension program. Therefore, inter-agency collaboration is crucial to eradicate this disease.

Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki, Satok.

YB Dato Ibrahim bin Baki: Thank you, Tuan Speaker. My question is no. 65.

Accessibility Early Childhood Education

(65) YB Dato Ibrahim bin Baki bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti: What are the steps taken to ensure accessibility early childhood education especially in rural areas? What is the current rate of enrolment at Government preschools?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak) (YB Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus): Terima kasih, Tuan Speaker.

For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Satok and all the Honourable Members of this House, the establishment of preschools especially in the rural areas are based on the needs and requests of the local communities and leaders. Through the Majlis Pembangunan Awal Kanak-kanak Sarawak (MPAKS), in which all implementing agencies are its members, we coordinate the establishment of preschools so as to avoid overlapping.

SeDidik, being our State-owned early childhood provider, will fill in the gap in the areas that are not covered by other agencies. Currently, SeDidik has five preschools in quiet rural areas that are in Long Kawa, Long Kerangan, Long Leng, Long Jenalong, and Ba'Selulong to cater to the needs of our Penan children. The upcoming preschools in the rural areas are Rumah Seliau, Ulu Oya, Selangau, Sibu which is expected to start operating in early 2024; and another one at Long Tebanyi, Sungai Paong Ulu Tinjar, Baram which is expected to operate in the second quarter of 2024.

For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Satok, the enrolment rate at the Government preschools now is 46,505 children out of 70,305 preschool enrolments which is 66.14%. Based on the data by the Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS), 98.71% of Year One children attending the 2023/ 2024 academic year have attended preschools. Thank you.

YB Dato Ibrahim bin Baki: *(Supplementary Question)* Thank you, Yang Berhormat Deputy Minister. I have two supplementary questions:

(a) What are the initiatives by the Ministry to ensure the access to preschools education for special needs children? and the other one is
(b) What are the steps taken to ensure the quality of preschools educators in Sarawak?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak) (YB Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus): Thank you, Tuan Speaker and for the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Satok, again, thank you for your two supplementary questions.

The Ministry has actually embarked on an Open-Door Policy since 2020. There are now 129 special needs children in SeDidik preschools. Besides SeDidik, there are 146 special needs children in 26 *prasekolah* under Jabatan Pendidikan Negeri, 17 children in TADIKA KEMAS, and 97 children in 22 private preschools. So, actually these are the special needs children through our Open-Door Policy. To support educators in their tasks to deal with the special needs children, trainings are provided through with collaboration with One-Stop Early Intervention Centre (OSEIC) Sarawak.

And, for the second question, to ensure the quality of preschools educators, several initiatives are taken by various implementing agencies like SeDidik, KEMAS, JAPMIN, JPN and also private institutions of which among the initiatives include conducting Continuous Professional Development (CPD) and upskilling programmes to ensure their skills and knowledge to better assist and guide our young learners. In 2023, nine courses have been conducted involving 800 educators.

For SeDidik, our State-owned early childhood education provider, the Ministry has set a target that is to achieve 100% of the 163 educators having at least a Diploma in ECCE. ECCE is Early Childhood Care and Education by 2025, that is the target, 100%. As of October 2023, 93%, 93.25% that is 152 educators of SeDidik have at least a Diploma in ECCE. The remaining 11 are still pursuing their studies and are expected to graduate in 2025 as the target is 100% by then. The Ministry and the various implementing agencies will continue to conduct relevant trainings and courses in 2024. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman, Tupong.

YB Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: Thank you, Tuan Speaker. My question is no. 66.

Solar Energy Initiatives

(66) YB Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman to ask the Minister for Energy and Environmental Sustainability to what extent is Sarawak's plan to develop its solar energy initiatives to contribute to the overall Malaysia grid power generation mix?

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Thank you, Tuan Speaker. For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Tupong, there are basically two solutions to adapt and mitigate climate change.

The first solution is through the nature base solution and the second solution is through the technical base solution. Through the nature base solution, this includes our carbon sync which make up the 62% of forests in Sarawak, mangroves, peats, corals, sea grasses, and planktons.

The second solution is the technical base solution which includes all our renewable energy including hydro power, solar power, hydrogen, microalgae, synthetic energies, carbon capture usage, and storage. This is a more accurate and effective solution towards the mitigation of climate change. So, the Sarawak Government is promoting the private sector participation in renewable energy projects with the objective to attract more foreign direct investment (FDI) and global leading companies to Sarawak. By 2030, the Government is targeting to install a maximum of a few thousand megawatts (MW) of energy through the Large-Scale Solar (LSS) generation in all our four dams.

The Government, through Sarawak Energy Berhad (SEB) is developing a pilot project of 50 MW floating solar project on the Batang Ai Reservoir. The project is currently under implementation and is expected to be commissioned in 2024. The project is developed and shall be operated as an Independent Power Producer (IPP), with SEB partnering an international conglomerate in the IPP. At the same time, the Government has also introduced a Net Energy Metering (NEM) scheme. Under the NEM, excess energy generated from the consumer's solar panels (PV) can be exported back to the grid and this excess energy will be credited to the NEM user's electricity bill. Thank you.

YB Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: *(Supplementary Question)* Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Honou rable Member for Demak Laut. I have two supplementary questions. I would like to know:

(a) What is the current capacity mix? And

(b) How do we plan to integrate the solar into our grid as we know the issue of intermittent as we know the solar would not be able to provide 24-hour power supply?

Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Tupong. Sarawak Energy Berhad (SEB), is tasked to maintain a minimum of 60% renewable energy capacity mix by 2030, including solar and other alternative energy sources. At this point of time, it is made up of 62% hydro, 21% natural gas, 16% coal, and 1% diesel.

For the second supplementary question, the current generation capacity, where majority is from dependable resources such as large hydropower, solar intermittency does not pose any integrate or operational issue. However, Sarawak Energy is also assessing and exploring the use of Battery Energy Storage System (BESS) which has long been seen as one of the key elements enabling a safe and reliable integration of intermittent energy sources such as solar into the grid system. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii, Repok.

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii: Thank you, Tuan Speaker. My question is no. 67.

Perumahan Kos Rendah

(67) YB Dato' Sri Huang Tiong Sii bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Apakah dasar perumahan kos rendah dan perancangan Kerajaan dalam menambah jumlah rumah kos rendah seperti rumah Spektra Permata di Daerah Sarikei dan bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu rakyat memiliki rumah dan menyelesaikan masalah perumahan rakyat yang berpendapatan rendah?

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you, Tuan Speaker, and Ahli Yang Berhormat bagi Repok. The provision of affordable housing is under the Concurrent List of the Federal Constitution. The Sarawak Government is always committed to coordinating and implementing Affordable Housing Development to target groups such as B40 with the desire to ensure that they can have a roof over their heads.

Sarawak Government plans to deliver 2,478 units of affordable housing throughout Sarawak under the RMK-12. Currently, the Ministry of Public Health, Housing and Local Government adopts the National Affordable Housing Policy for the implementation of low-cost housing development in Sarawak which capped the pricing of affordable housing between RM100,000 to RM300,000.

The Sarawak Government in collaboration with the Jabatan Perumahan Negara also provides Low-Cost Housing Programme known as *Program Perumahan Rakyat* (PPR) offering low-cost housing at the price of RM50,400 to RM59,220.

Aside from this, the Sarawak Government sanctioned affordable housing schemes by the private sectors and the requirements for overall housing development planning as imposed by the State Planning Authority (SPA) through the delivery of SPEKTRA Lite, SPEKTRA Medium, PUTERA and Sri Pertiwi are also being implemented. To assist the low-income group in owning a house, the Sarawak Government since 2021 have introduced the Housing Deposit and Repayment Assistance Scheme (HDRAS) where all eligible first-time house buyers will be assisted with the amount of RM10,000 as a deposit or assistance for the monthly repayment of housing loan at RM200 per month for a period of 48 months.

Aside from this, the development of Rumah SPEKTRA Permata (RSP) at *Skim Pembesaran Kampung* (SPK) and *Skim Penempatan Semula* (SPS) are also being implemented. Currently, the Housing Development Corporation (HDC) is in the progress of constructing 30 units of RSP at SPK Susur Jambu, Sarikei.

YB Dato’ Sri Huang Tiong Sii: *(Supplementary Question)* Thank you, Tuan Speaker. I have two supplementary questions:

(a) When is the completion date for the construction of 30 units Rumah SPEKTRA Permata (RSP) at *Skim Pembesaran Kampung* (SPK) Susur Jambu, Sarikei?

(b) Does the Government provide assistance for the construction of affordable housing on individual residential titled lands?

Thank you.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Repok for your supplementary questions.

Tuan Speaker, the construction of 30 units of *Rumah SPEKTRA Permata* (RSP) at *Skim Pembesaran Kampung* (SPK) Susur Jambu, Sarikei is expected to be completed by the end of next year. As for question number two, HDC through Mutiara Mortgage and Credit Sdn. Bhd. provides *Rumah SPEKTRA Mutiara* (RSM) programme to assist eligible individual landowners to build their own house at the cost of RM70,000 up to RM120,000. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, question time is up.

PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024), 2023 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question is that the Supply (2024) Bill, 2023 be read a second time and the Motion to refer the resolution on the Development Estimates, 2024 be passed and referred to the Committee of Supply.

Ahli-ahli Yang Berhormat, three days that is today, tomorrow, and Friday; are set aside for the Honourable Members to debate on the Supply (2024) Bill, 2023 and the Motion to refer the resolution on the Development Estimates, 2024. Ahli-ahli Yang Berhormat, Under Standing Order 31(8), I hereby impose 20 minutes for any Members who wishes to speak today.

Ahli-ahli Yang Berhormat, priority is given to the new Honourable Member for N.67 Jepak to enable him to deliver his maiden address. There shall be no interruption during the maiden address, and I allow his speech to go beyond 20 minutes. I shall now call upon the Honourable Member for Jepak for his address.

YB Encik Iskandar bin Turkee: Terima kasih, Tuan Speaker. Bissmillahirahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Speaker: Waalaikumsalam.

YB Encik Iskandar bin Turkee: Salam sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Pertama kali, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-19 ini. Tahniah, Tuan Speaker di atas pelantikan semula dan ini jelas menunjukkan pengalaman dan kebijaksanaan Tuan Speaker tiada tandingannya dalam mengendalikan sesi perbahasan Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucaptama saya bagi mewakili suara warga Jepak di dalam Dewan yang mulia ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga Allahyarham Datuk Talib bin Zulpilip di atas sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Allahyarham sepanjang 30 tahun beliau menjadi wakil rakyat DUN Jepak. Perjuangan dan pengorbanan beliau sepanjang perkhidmatan tidak akan disia-siakan kerana saya sendiri akan memastikan ia akan tetap diteruskan dan diperjuangkan demi warga Jepak.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Premier dan barisan-barisan pemimpin di bawah Gabungan Parti Sarawak (GPS) kerana telah memberi kepercayaan dan mandat sepenuhnya kepada saya untuk bertanding di bawah panji GPS di kawasan DUN Jepak yang lalu. Alhamdulillah dengan berkat kerjasama dari semua pihak-pihak khususnya barisan pemimpin-pemimpin GPS seluruh Sarawak dan khasnya juga kepada pengundi-pengundi di DUN N. 67 Jepak, serta seluruh keluarga besar parti Pesaka Bumiputera Bersatu Cawangan N.67 Jepak telah bertungkus-lumus, maka, sekali lagi saya menzahirkan dengan izinNya kerusi DUN Jepak masih kekal milik GPS. Ini adalah kemenangan manis buat keluarga GPS dan bukanlah kemenangan

kepada saya secara peribadi. Kemenangan ini memberi petunjuk yang jelas bahawa rakyat semakin yakin dengan kepimpinan Kerajaan GPS di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, syabas dan tahniah diucapkan. Di sini semalam ada pantunkan, hari ini pun saya ada dua rangkap pantun ditujukan kepada semua yang membantu PRK Jepak pada 4 November 2023.

Pergi memburu bersama rakan,
Dapat seekor ayam hutan;
Terima kasih kami ucapkan,
Kerana sudi hulurkan bantuan.

Letih berjalan di tengah pekan,
Singgah sebentar di gerai Siti;
Terima kasih kami ucapkan,
Atas segala jasa dan bakti.

Tuan Speaker, kita percaya dan yakin bahawa kuasa mutlak dan hakiki dalam politik adalah dari rakyat. Tanpa amanah dan sokongan rakyat, perjuangan demi kesejahteraan rakyat hanyalah retorik kerana ia menutup kuasa pentadbiran yang juga datangnya hanya dari mandat rakyat. Saya percaya mandat rakyat tidak harus dipandang ringan kerana ianya adalah satu amanah yang berat yang akan dipertanggungjawabkan dan dipersoalkan di padang mahsyar nanti. Perjuangan demi kesejahteraan rakyat dan sokongan rakyat tidak boleh dipisah. Justeru, GPS dan rakyat berpisah tiada. Di sebalik asas perjuangan agama, bangsa dan tanah air yang ditarbiahkan di dalam hati sanubari kita, GPS sebagai sebuah parti yang berbilang kaum tidak pernah tersasar tumpuannya dalam memperjuangkan untung nasib rakyat. Saya menyedari untuk nasib rakyat yang saya wakili, bergantung kepada kesungguhan saya untuk berbakti, kerajinan saya untuk menyuarakan hasrat dan keresahan mereka, maka, adalah penting untuk saya bertekad dan berazam untuk tidak mengecewakan mereka yang memberi amanah ini kepada saya. Saya mesti belajar dan memahami dengan cepat bagaimana harus menggerakkan kerja saya selaku wakil rakyat yang efisien, jujur dan berwawasan. Dengan Belanjawan Pembangunan yang diperuntukkan begitu besar oleh Kerajaan GPS, sudah tentu masyarakat Jepak terutamanya di kawasan pedalaman tidak mahu ketinggalan dari arus kerancakan pembangunan yang dirancangkan oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier.

Tuan Speaker, setelah mendengar pembentangan Bajet Tahun 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier, dapat kita rumuskan bahawa bajet itu ternyata berjiwa rakyat. Bukan sekadar berjiwa rakyat, izinkan saya memberi deskripsi bahawa bajet ini juga berteraskan tunjang, tulang, darah dan saraf serta nadi rakyat di Negeri Sarawak. Belanjawan sebanyak RM12.3 bilion untuk tahun 2024 merupakan belanjawan yang terbesar dalam sejarah Sarawak yang pernah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri berbanding semasa Yang Amat Berhormat semasa dilantik pada tahun 2017, belanjawan untuk 2018 adalah dianggarkan berjumlah RM8.2 bilion. Dalam tempoh enam tahun, Yang Amat Berhormat Premier telah berjaya meningkatkan bukan sahaja belanjawan malah pendapatan Sarawak melebihi dengan anggaran RM5 bilion.

Inilah rahmatnya yang nak saya kongsi kepada semua yang hadir di Dewan ini. Angka nombor enam adalah sinonim dengan Yang Amat Berhormat Premier Negeri Sarawak yang mana Yang Amat Berhormat Premier adalah Ketua Menteri Keenam, tahun ini merupakan tahun keenam beliau menjadi Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Premier berasal daripada Kampung No. 6. Nak naik Al-Quran pula terdapat 6666 ialah merupakan rahmat untuk kita di Negeri Sarawak.

Saya teruja dan menarik perhatian saya tentang peruntukan RM7.8 bilion untuk tujuan pembangunan dari seluruh Bajet 2024, yang telah diperuntukkan untuk rakyat sebanyak:

(a) RM550 juta Projek Rakyat;
(b) RM420 juta untuk *Rural Transformation Project* (RTP);
(c) RM200 juta untuk *Regional Development Agency*; dan

(d) RM260 juta untuk *Minor Rural Project* (MRP).

Bajet ini saya yakin kebanyakannya adalah untuk kesejahteraan masyarakat luar bandar. Bertuah orang Sarawak. Saya tertarik dengan ungkapan Tuan Speaker, dalam Bahasa Iban lah ya, *bisi jalai, bisi tiang, bisi letrik, bisi air. Mun sik ada jalan, sik adalah tiang, sik ada eletrik, sik ada air*. Jadi di sini, inilah kesannya dalam pembangunan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan yang mana infrastruktur tersebut dirasai oleh rakyat. Dengan adanya jalan, adalah tiang-tiang elektrik menuju ke kawasan kampung, kawasan rumah panjang secara tidak langsung adalah dari segi bekalan air menuju kepada masyarakat-masyarakat sama ada di kampung ataupun di luar bandar. Di sini Kerajaan Sarawak telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5.695 bilion atau 63% daripada RM9.038 bilion khas untuk pembangunan luar bandar.

Tuan Speaker, ini sangat jelas menunjukkan bajet ini berkiblatkan ke arah kesejahteraan dan kebajikan masyarakat luar bandar. Saya percaya, usaha murni ini adalah untuk merapatkan jurang keselesaan dan kemakmuran antara bandar dan desa. Memilih GPS adalah pilihan yang tepat, saya berada di rumah GPS. Insya-Allah saya tidak akan mempersia-siakan peluang ini untuk berkhidmat dengan yang terbaik.

Perkara yang menarik mengenai belanjawan ini adalah ia juga memberi fokus kepada golongan remaja dan belia iaitu:

(a) Pemberian baucar kepada pelajar IPT dan IPTS RM500;
(b) Pemberian komputer riba secara percuma;
(c) Bantuan pakaian seragam sekolah dan peralatan sekolah;
(d) Yuran tuisyen percuma; dan
(e) Lain-lain lagi kemudahan.

Berdasarkan pengalaman saya selama 15 tahun dalam berurusan dengan remaja dan belia, saya percaya belanjawan ini mampu membentuk remaja dan belia untuk bersedia berhadapan dengan cabaran dan bakal menjadi pelapis pemimpin di masa hadapan. Ini kerana belanjawan ini, berjaya membentuk jati diri, bersahsiah, dan berilmu untuk anak-anak Sarawak menjadi pemimpin ke arah Wilayah Sarawak yang maju pada tahun 2030. Dalam kepesatan pembangunan Negeri ini, maka kewujudan Rang Undang-undang Ombudsman, adalah penting untuk memastikan pelaksanaan tadbir urus yang terbaik dan diyakini rakyat.

Tuan Speaker, sebagai wakil rakyat DUN Jepak, saya akan melakukan yang terbaik dalam menghadapi pembangunan yang pesat di Bintulu dan yakin Bintulu adalah merupakan bandar penting serta penyumbang ekonomi dan kemakmuran yang telah dirancangkan oleh Negeri Sarawak. Sehubungan dengan itu, menjadi hasrat warga Jepak untuk memohon agar dibina sebuah Institusi Latihan Kemahiran bagi melengkapkan belia Jepak dengan skil yang bersesuaian kebolehpasaran mereka dengan industri yang sediaada atau baru di Bintulu. Ini kerana Bintulu akan menjadi tumpuan bagi industri penyerapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon baharu negeri serta penghasilan hidrogen dan bio bahan api yang lain.

I believe, new challenges require or demand for new approach and solution. Iaitu kita perlu bijak untuk mengurus cabaran perdana dengan strategi yang lebih kreatif dan inovatif. Ini mencakupi dengan luas samada menyentuh aspek peluang pekerjaan, pelaburan, dan pekerjaan serta pendidikan sehingga menyentuh aspek kesejahteraan sosial.

Tuan Speaker, saya juga menghargai usaha Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier yang berjaya mengambil alih Pelabuhan Bintulu. Impak daripada langkah ini, Bintulu akan bertambah maju dan yakin Kerajaan Sarawak akan berjaya dalam meletakkan Pelabuhan Bintulu setaraf dengan pelabuhan antarabangsa yang lain dengan mengubahnya sebagai hab pengangkutan di rantau Asia Pasifik.

Selain itu, diharap Projek Pembangunan Jepak Jaya akan menjadi bandar lebih progresif dan dinamik. Ini dibuktikan dengan pembinaan Pusat Pentadbiran Bahagian Bintulu yang baharu. Manakala, Jambatan Bintulu-Jepak akan merancakkan lagi pembangunan dan ekonomi di kawasan Jepak. Jepak Jaya akan dibangunkan sebagai pusat komersial yang baharu yang lengkap dengan semua kemudahan asas termasuk perumahan.

Tahun ini merupakan Ulang Tahun Sarawak Merdeka Ke-60 tahun dan seluruh masyarakat Sarawak yang berbilang kaum dan agama seharusnya berbangga kerana telah membina sebuah wilayah majmuk yang harmoni, aman, dan masyarakat yang mesra dan akrab. Saya mewakili warga Jepak dengan tegasnya menolak sekeras-kerasnya segala perlakuan, tindakan, dan unsur-unsur yang menimbulkan kebencian, buruk sangka, fitnah yang melampau dan berbaur perkauman yang tiada tempat di bumi Sarawak ini.

Oleh itu, sama-samalah kita menyemarakkan semangat patriotik, cinta Bumi Kenyalang, Ibu Pertiwi Sarawak sekali gus memperkasakan jati diri, kesetiaan, dan keazaman kita untuk membina Sarawak yang cemerlang dan terbilang di Negara ini. Sebagaimana amanat Yang Amat Berhormat Premier, barisan kepimpinan yang diletakkan di bahu anak Sarawak itu harus diperkasakan agar Negeri ini maju, aman, makmur, serta dikenali masyarakat serantau dan dunia luar.

Tuan Speaker, akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah di atas profesionalisme dan kebijaksanaan dalam mengendalikan sesi Dewan yang mulia ini. Saya doakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, semua warga kerja Kerajaan Negeri Sarawak dan masyarakat di luar sana, sentiasa di bawah rahmat Allah S.W.T. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru kepada semua.

Sebelum menamatkan ucapan perbahasan saya pada pagi ini, suka saya mengingatkan semua dengan pantun dan amanat arwah Tok Nan.

Nyiur gading puncak mahligai,
Sayang ketupat berisik inti,
Hancur badan tulang berkecai,
Belum dapat belum ku berhenti.

Jaga Sarawak tok bait-bait,
sapa gik mun sik kita orang Sarawak empun jaganya.

Arah hati sayang yang tulus
Demi rasa marak sembilu
Darah GPS dicincang tak putus
Demi bangsa Sarawak didahului.

Sekian. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: That was the maiden speech from the newly elected Honourable Member for Jepak. Now, I call upon the Honourable Member for Daro.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Sarawakku Sayang dan Salam Begulai Sejalai.

Terima kasih, Tuan Speaker, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan (2024), 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar, Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar, dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong, pada 20 November 2023 yang lalu.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tjnggi penghargaan dan tahniah kepada Tuan Speaker di atas pelantikan semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Semoga Allah SWT. melimpahkan kebaikan dan rahmatNya kepada Tuan Speaker untuk meneruskan kecemerlangan dalam mentadbir dan memimpin Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, Alhamdulillah, terlebih dahulu sama-samalah kita menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT di atas izin dan inayahNya juga Negeri kita telah dianugerahkan kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, atas komitmen, kebijaksanaan dan kepimpinan yang cemerlang beliau serta barisan Kabinet Sarawak kita yang berpandangan jauh telah dapat meningkatkan pendapatan kepada Negeri kita saban tahun, iaitu pada tahun ini, Sarawak telah merekodkan sejarah memperolehi pendapatan tertinggi dianggarkan RM12,718 juta setakat ini sehingga mendapat pengiktirafan oleh Bank Dunia sebagai salah sebuah negeri yang berpendapatan tinggi**.** Perkara ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen dan kerja keras khususnya Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS yang tidak kenal erti penat dan lelah sentiasa berusaha untuk membangun dan memajukan Negeri Sarawak yang kita sayangi ini agar Negeri dan rakyatnya terus maju dan makmur.

Tuan Speaker, apa yang menggembirakan kita segala hasil pendapatan negeri yang diperolehi ini telah sedaya upaya diurus serta dikembalikan kepada semua rakyat dengan melaksanakan pelbagai projek pembangunan, inisiatif-inisiatif serta program-program yang dapat meningkatkan taraf hidup, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat. Bajet 2024 yang bertemakan, *"Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak",* membuktikan keikhlasan dan kesungguhan Kerajaan GPS membangun dan memajukan Negeri ini serta memastikan tidak ada mana-mana lapisan rakyat yang terpinggir daripada bajet ini. Bajet yang mengekalkan *development bias* telah memperuntukkan pertambahan sebanyak RM1,532 juta ataupun 20% iaitu dari RM7,506 juta pada tahun 2023 kepada RM9,038 juta pada tahun 2024 ini. Daripada peruntukan pembangunan ini, sebanyak RM5,695 juta atau 63% adalah memberi fokus kepada menyediakan infrastruktur asas dan perkhidmatan dengan menambah baik kemudahan dan *connectivity* yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di luar bandar.

Tuan Speaker, saya berdiri di sini mewakili seluruh rakyat di kawasan N.43 Daro ingin merakamkan rasa bangga, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan GPS dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier yang telah melaksanakan langkah dan usaha meluluskan bajet yang meletakkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat khususnya di luar bandar termasuk kami di kawasan DUN Daro. Harapan kita semoga pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan ini dapat dilaksanakan sebaik yang mungkin oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat agar matlamat murni Kerajaan dalam bajet ini dapat dinikmati dan memberi faedah kepada rakyat.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya untuk menyentuh beberapa isu spesifik yang melibatkan kawasan saya di N.43 Daro yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini. Diharap Kementerian, Jabatan, dan Agensi yang berkenaan dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Masalah Hakisan di SK Batang Lassa, Daro

Tuan Speaker, masalah ini pernah saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah, selepas isu ini dibangkitkan telah mendapat perhatian daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sendiri di mana satu lawatan bersama dengan Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak dan pegawai yang berkenaan di SK Batang Lassa, Daro telah diadakan pada 1 Ogos 2023 yang lepas. Hasil daripada lawatan tersebut, satu keputusan penyelesaian bagi isu ini untuk jangka pendek telah dipersetujui dengan membina bangunan sekolah sementara yang berkonsepkan kabin di tapak baharu yang telah dikenal pasti bagi membolehkan pelajar yang belajar di sekolah

berkenaan berpindah ke tempat yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, sehingga kini saya masih lagi belum dapat perkembangan terkini tentang keputusan ini.

Sehubungan itu, sekali lagi saya merayu kepada Kementerian Pelajaran atau Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak supaya tindakan yang segera perlu dilaksanakan memandangkan masalah hakisan yang berlaku setiap hari semakin merisaukan.

Memperkasakan Peranan dan Fungsi Pegawai Pendidikan Daerah

Tuan Speaker, usaha Kerajaan negeri yang begitu mengambil berat dalam memartabatkan sektor pendidikan di Sarawak ini amatlah memerlukan kerjasama dari semua pihak khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia kerana kita sedia maklum kebanyakan sekolah-sekolah di Sarawak in amat memerlukan bantuan segera bagi memperbaiki dan menyediakan prasarana untuk kemudahan anak-anak kita menjalani proses pembelajaran yang kondusif dan selesa. Walaupun kita sedia maklum sektor pendidikan ini merupakan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, namun, sebagai wakil rakyat sepertimana yang tunjukkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Premier di atas keprihatinan beliau dalam isu ini. Pihak kita berusaha membuat yang terbaik membantu bukan sahaia memperbaiki prasarana yang perlu dinaik taraf malah turut juga berusaha untuk membina beberapa kemudahan prasarana yang lain seperti dewan, bilik darjah, asrama, jeti, titian, padang serta gelanggang sukan dan lain-lain lagi melalui peruntukan RTP.

Walau bagaimanapun, kita menghadapi kekangan dalam melaksanakan usaha ini kerana untuk melaksanakannya perlu melalui banyak birokrasi dan segala kelulusan hanya dapat diperolehi di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak atau Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak melihat dan mengkaji balik beberapa proses dan prosedur kerja dalam usaha untuk memudahkan dalam membantu kita memartabatkan sektor pendidikan demi masa depan anak-anak kita di Sarawak ini supaya beberapa perkara dan bidang kuasa hendaklah diteliti semula dan diturunkan kuasa kepada Pegawai Pendidikan Daerah sahaja.

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu yakin dan percaya kepada kewibawaan dan keupayaan Pegawai Pendidikan Daerah bagi membuat keputusan khususnya yang melibatkan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Pegawai Pendidikan Daerah kerana mereka lebih mengetahui tentang keadaan dan keperluan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran mereka dengan dibantu oleh Guru Besar atau Pengetua di sekolah berkenaan. Begitu juga dengan beberapa penurunan kuasa pentadbiran yang lain termasuk penempatan guru-guru, penurunan kuasa kepada Pegawai Pendidikan Daerah untuk mengurus perkara ini melalui garis panduan yang jelas yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah dilaksanakan agar kelewatan menunggu kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dapat diatasi. Langkah ini sudah pasti dapat menjimatkan masa dan kos.

Rumah SPEKTRA Permata

Tuan Speaker, salah satu perkara yang menjadi harapan dan impian rakyat khususnya bagi golongan B40 dan M40 adalah memiliki rumah kediaman mampu milik yang selesa. Untuk kawasan Daro setakat ini, sebanyak 50 unit Rumah Spektra Permata telah diluluskan di Skim Pembesaran Kampung (SPK) Kampung Badong yang telah dimulakan dengan membina 28 unit RSP terlebih dahulu. Projek ini telah dilancarkan pelaksanaannya oleh Yang Amat Berhormat Premier pada 23 Oktober 2022 iaitu tahun lepas.

Sehubungan itu, saya berharap pihak HDC dimana Pengerusinya yang duduk di sebelah saya ini sepatutnya tadi dapat mempercepatkan pelaksanaan projek ini kerana saya sering didatangi oleh rakyat khususnya mereka yang telah mengisi borang permohonan bertanya bila lagi projek tersebut akan siap sepertimana yang telah dilaksanakan di kawasan dan daerah yang lain.

Klinik Kesihatan Daro

Tuan Speaker, salah satu projek yang amat-amat dinantikan oleh masyarakat Daro adalah pembinaan Klinik Kesihatan Daro yang baharu bagi menggantikan Klinik Kesihatan lama yang telah terbakar pada tahun 2015. Kerja-kerja menembok tapak bagi projek ini telah lama siap dan saya telah dimaklumkan bahawa projek Klinik Kesihatan Daro yang bernilai RM35 juta telah pun diluluskan beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, ia belum dapat dilaksanakan kerana reka bentuk belum lagi dimuktamadkan di antara agensi pelaksana dan Kementerian Kesihatan. Perkara yang merisaukan saya, kelewatan ini bukan sahaja menjejaskan peluang rakyat menikmati kemudahan kesihatan di Klinik Kesihatan yang lengkap dan selesa, malah boleh menyebabkan kos pembinaannya turut meningkat disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan dan kenaikan kadar SOR dari semasa ke semasa.

Akhirnya projek ini nanti akan tertangguh lagi pelaksanaannya disebabkan peruntukan yang sedia ada iaitu RM30 juta tersebut tidak lagi mencukupi untuk melaksanakan projek ini pada masa ini. Oleh itu, saya memohon agar pihak yang berkenaan dapat menyegerakan pelaksanaannya supaya masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi dapat dielakkan daripada berlaku.

Projek Sakit

Tuan Speaker, di kawasan saya mempunyai dua buah projek sakit yang bukan sahaja projek itu sakit, malah telah menyakiti hati rakyat di kedua-dua kawasan ini. Projek yang saya maksudkan ialah, pertamanya, Jalan Sungai Passin ke Kampung Jemoreng, Daerah Matu, Bahagian Mukah di mana kontraktor bagi projek ini telah pun ditamatkan kontraknya pada 9 Ogos 2022. Walaupun kontrak projek ini telah ditamatkan lebih daripada setahun yang lalu, tetapi belum dipastikan sama ada akan diteruskan atau disambung semula kerja-kerja pelaksanaannya. Begitu juga dengan Projek Menaik Taraf Jalan Bawang Assan, Tanjung Manis, Sungai Illas, Kampung Sebena, Fasa II, Daerah Meradong, Bahagian Sarikei. Saya juga dimaklumkan bahawa kontraktor bagi projek ini juga telah ditamatkan.

Tuan Speaker, kedua-dua projek ini merupakan Projek Rakyat Yang Berhormat Premier iaitu kelulusannya telah pun diumumkan pada 7 Ogos 2018 iaitu lima tahun yang lalu. Keadaan ini amat membimbangkan saya selaku Wakil Rakyat di kawasan ini kerana ia turut memberi impak negatif kepada kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Rakyat di kedua-dua kawasan ini amat berasa kecewa dan marah kerana penduduk disini amat mengharapkan pelaksanaan kedua-dua projek tersebut menjadi kenyataan kerana kedua-dua penempatan ini sehingga kepada hari ini hanya bergantung kepada pengangkutan sungai untuk ke bandar-bandar yang berdekatan. Perkara yang lebih menyulitkan mereka sekarang ini adalah perkhidmatan pengangkutan sungai menggunakan bot ekspres bukan sahaja telah berkurangan malah ada laluan yang tertentu sudah tiada lagi perkhidmatan yang disediakan. Ini semakin menyukarkan kehidupan mereka terutamanya untuk keluar ke bandar-bandar bukan sahaja untuk membeli bekalan makanan harian malah bagi urusan penghantaran anak-anak ke sekolah dan untuk mendapat perkhidmatan rawatan perubatan. Oleh itu, Tuan Speaker, saya sekali lagi merayu memohon ihsan dan simpati Kerajaan khususnya Kementerian dan Jabatan yang berkenaan, tolonglah untuk memastikan kedua-dua projek ini dapat diteruskan pelaksanaannya dan dapat disiapkan secepat yang mungkin.

Rural Transformation Projects (RTP)

Tuan Speaker, salah satu projek yang telah memberi impak yang amat besar kepada kesejahteraan rakyat khususnya masyarakat di luar bandar adalah projek *Rural Transformation Projects (RTP)*. Tidak dinafikan semenjak projek ini dilaksanakan pada tahun 2015 yang lalu, ianya telah banyak mengubah landskap dan infrastruktur di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di luar bandar. Walau bagaimanapun, sejak pelaksanaannya lapan tahun yang lalu, jadual kadar harga ataupun *Schedule of Rate* (SOR) yang baharu dengan kenaikan sekitar 30% pada tahun ini yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan, didapati ianya mengurangkan jumlah projek yang dapat dilaksanakan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Sehubungan dengan itu,

memandangkan pendapatan Negeri kita semakin bertambah, saya ingin sekali lagi memohon agar Kerajaan Sarawak mempertimbangkan kenaikan peruntukan RTP sekurang-kurangnya dari RM5 juta sekarang kepada RM7 juta setahun, untuk memastikan momentum pembangunan infrastruktur di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di luar bandar dapat terus dikekalkan demi memastikan kesejahteraan dan keselesaan rakyat dapat dilaksanakan.

Peruntukan MARRIS

Tuan Speaker, Projek Penyelenggaraan dan Projek Naik Taraf Jalan di bawah peruntukan MARRIS yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan merupakan salah satu projek yang berimpak tinggi bukan sahaja menaik taraf jalan supaya lebih selamat malah turut meningkatkan keceriaan kawasan pekan atau bandar yang berkenaan. Bagi kawasan Daro, Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) adalah agensi pelaksana untuk Projek MARRIS yang merangkumi tiga buah daerah iaitu Daerah Matu, Daerah Daro, Daerah Tanjung Manis dan sebuah Daerah Kecil iaitu Igan. Pada tahun 2023, MDMD telah memohon peruntukan sebanyak RM10.395 juta, namun, hanya diluluskan RM4.7 juta sahaja untuk penyelenggaraan jalan-jalan di tiga buah daerah dan sebuah daerah kecil ini. Sehubungan itu, saya selaku wakil rakyat kawasan Daro memohon agar peruntukan MARRIS untuk kawasan ini dapat ditambah pada tahun 2024 ini nanti dan begitu juga tahun-tahun berikutnya.

Memajukan Sektor Pertanian Luar Bandar

